


1 - 15 NOVEMBER, 2024

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Visi Penang2030 capai 73%

(sehingga September 2024)

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa usaha-usaha di bawah pelan pembangunan masa depan negeri sehingga tahun 2030 yang dikenali sebagai Visi Penang2030 telah mencapai 73 peratus daripada sasaran keseluruhan dengan pelaksanaan 373 projek dan program sepanjang enam tahun ini.

Exco Kewangan, dan Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi itu memberi penjelasan sedemikian semasa merasmikan Festival Penang2030 bersempena ulang tahun keenam Penang2030 di sini pada 21 September 2024.

"Dua kali setiap tahun, kita (Kerajaan Negeri) akan memanggil semua agensi bertanggungjawab untuk melaporkan kemajuan (serta) pencapaian inisiatif yang digariskan (dalam Penang2030) baik dari segi program, projek dan inisiatif.




**KETUA Menteri ketika berucap pada Majlis Perasmian Festival Penang2030 di sini baru-baru ini.**

"Kita (Kerajaan Negeri) mendapati pada tahun ini, sudah capai 73 peratus," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Sehubungan itu, Kon Yeow memberitahu bahawa beliau yakin pentadbirannya bakal mencapai 100 peratus sasaran pelaksanaan seperti digariskan dalam Visi Penang2030, sebelum tahun 2030.

"Saya yakin pentadbiran ini bakal mencapai 100 peratus sasaran yang telah ditetapkan sebelum tahun 2030 sekiranya gerak kerja terus dijalankan dengan penuh integriti dan proaktif oleh semua pihak," ulasnya lanjut.

**ANTARA aktiviti menarik yang diadakan bersempena penganjuran Festival Penang2030 di sini baru-baru ini.**



# Galeri Arkeologi Guar Kepah

## lengkapkan peta laluan arkeologi utara Semenanjung

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PENAGA -** Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) melihat Galeri Arkeologi Guar Kepah yang bakal dibuka kelak akan bakal melengkapkan peta pelancongan arkeologi wilayah utara Semenanjung meliputi negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa peta pelancongan arkeologi berkaitan boleh dipakejkan dan dijenamakan sebagai 'Laluan Arkeologi Utara (Semenanjung Malaysia).

"Orang tidak datang untuk melihat (Galeri Arkeologi) Guar Kepah sahaja, kalau berminat, boleh menghabiskan 'laluan (arkeologi utara) melibatkan Kedah, Perak dan Pulau Pinang yang mana menghabiskan masa beberapa hari di kawasan-kawasan ini," jelasnya selepas melawat Galeri Arkeologi Guar Kepah di sini pada 29 September 2024.

Turut serta, Ketua Eksekutif NCIA, Mohamad Haris Kader Sultan; Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Barathi; Pengarah Pelaksana Projek NCIA, Muhammad Fazlullah Abdul Aziz; Pegawai Penyelaras Khas Kepada Ketua Menteri, Lay Hock Peng dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Ooi Yong Wooi.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa pentadbirannya berharap pembukaan galeri tersebut kepada orang awam bukan sahaja menambah nilai kepada industri pelancongan negeri, sebaliknya juga kerja-kerja penyelidikan serta pendidikan di tapak kajian arkeologi sekitar Guar Kepah.

"Nilai pelancongan ini adalah (nilai) baru, tetapi lebih penting adalah tapak kajian yang menunjukkan sejarah penempatan zaman dahulu yang akan menarik (minat) pengkaji-pengkaji, ahli akademik dan pelajar untuk melihat pada aspek pendirian serta kajian berkaitan (di sini kelak)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Difahamkan, tapak arkeologi Guar Kepah seluas 0.97 hektar di sini merupakan tapak kajian arkeologi tertua di Semenanjung Malaysia yang direkodkan oleh ahli arkeologi British pada 1935.

Kerja-kerja ekskavasi sejarah awal dilakukan oleh Van Stein Callenfels pada tahun 1934 - 1936 dan telah menemui bukti-bukti kehidupan Orang Asli suku Semang seperti tulang manusia, sisa makanan, serpihan seramik, alatan batu dan sebagainya.

Guar Kepah juga merupakan tapak penggalian pertama oleh pegawai British, GW Earl pada tahun 1850, yang membawa kepada penemuan tulang-tulang manusia yang kini disimpan di Belanda.

Pada tahun 2010, kerja-kerja ekskavasi pertama secara sistematik di sini dilakukan oleh ahli arkeologi lokal dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia (USM). Selanjutnya, pada tahun 2017, pemeriksaan lanjut oleh pasukan Pusat PPAG-USM yang diketuai oleh Prof. Datuk Dr. Mokhtar Saidin menemukan tengkorak manusia dan tulang rusuk, semuanya dipercayai dari Zaman Neolitik yang berusia kira-kira 5,000 tahun.

Projek pembinaan Galeri Arkeologi Guar Kepah mula dilaksanakan pada 14 Nov 2022, yang mana replika rangka-rangka manusia termasuk *'Penang Woman'* akan dipamerkan kepada pengunjung kelak.

Difahamkan, Perdana Menteri sendiri dijadualkan merasmikan Galeri Arkeologi Guar Kepah dalam tempoh terdekat.



KETUA Menteri bersama-sama jemputan lain merakam kenangan dengan berlatarbelakangkan reka bentuk luaran Galeri Arkeologi Guar Kepah yang menarik dan estetik.


RANGKA manusia dikenali sebagai *'Penang Woman'* berusia lebih 5,000 tahun yang ditemukan di Guar Kepah turut dipamerkan.

### Sekitar Festival Penang2030



AKTIVITI seisi keluarga dan pendigitalan yang turut diadakan.



# Angkat tema pahlawan menang pakaian terbaik



**BERBUSANA anggun ketika melintasi pentas utama.**

**BUAT** julung kalinya, Kategori Anugerah Pakaian Terbaik diperkenalkan sempena Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan Ke-67 Peringkat Negeri Pulau Pinang yang berlangsung pada 31 Ogos lalu.

Anugerah tersebut telah dimenangi oleh kontinjen Pejabat Tanah dan Daerah Barat Daya (DBD) yang melayakkan mereka membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 berserta piala pusingan dan piala iringan.

Justeru, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** sempat mendapatkan respons daripada Pegawai Daerah DBD, **MOHD. HAFIZ ASWAD NADZRI** mengenai kemenangan tersebut.

Menurut beliau, idea dan konsep pakaian kawad untuk Hari Kebangsaan itu sememangnya datang daripada beliau sendiri yang mahu mengangkat tema kepahlawanan dan keperwiraan hulubalang Melayu era menentang penjajah.

"Kita juga suntik elemen kebudayaan, warisan, patriotik dan kenegaraan serta perpaduan melalui tema yang dikenalkan ini.

"Malah juga mengambil kira perarakan tahun-tahun sebelum ini kerana tidak mahu mengulangi perkara yang sama, jadi kita angkat tema kepahlawanan Melayu bersama-sama srikandi yang merupakan salah satu sejarah kemerdekaan Tanah Melayu.




**KEMENANGAN manis bagi Pejabat Tanah dan Daerah Barat Daya pada Sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang.**

"Peranan wanita dalam kemerdekaan tidak diketepikan, oleh itu tema srikandi turut diangkat kerana golongan wanita juga ada peranan tersendiri.




**MOHD. Hafiz Aswad Nadzri (kiri) bersama-sama Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Muhamad Syazwi Mohamad Jaafar menunjukkan trofi dan plak yang dimenangi bagi Kategori Pakai Terbaik sempena Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan Ke-67 Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.**

"Dari segi rekaan pula, kita tidak mahu gabungkan dengan fesyen moden sebaliknya hendak mengekalkan konsep asli," ujarnya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui di pejabatnya dekat Balik Pulau pada 25 September lalu.

Dari segi pemilihan warna, kontinjen Pejabat Daerah DBD mengenakan rona warna yang ada pada bendera Malaysia yang turut dilihat mewakili perpaduan kaum.

"Penggunaan warna juga dipilih dengan teliti agar tidak memasukkan elemen yang tiada kaitan dengan warna pada Jalur Gemilang," ujarnya.

Kontinjen Pejabat Daerah DBD dianggotai seramai 63 kakitangan dan diketuai oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah Kanan DBD, Nurshamshinaz Shamsuddin.

Mohd. Hafiz Aswad dalam pada itu memberitahu bahawa latihan membabitkan semua peserta dijalankan sebanyak enam kali sebelum perarakan sebenar berlangsung.

"Pagi-pagi, kita adakan latihan kawad kaki dengan memfokuskan disiplin pergerakan.

"Dari segi pemilihan jumlah peserta pula adalah berdasarkan kriteria penganjur iaitu minimum 60 orang kerana jika kurang daripada jumlah ditetapkan, markah akan ditolak," ulasnya lanjut.

Menutup bicara, Mohd. Hafiz Aswad memberitahu bahawa pada tahun 2019, kontinjen Pejabat Daerah DBD juga pernah memenangi tempat ketiga bagi pertandingan kawad Hari Kebangsaan.

Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada pasukannya yang telah bertungkus-lumus dan memberikan komitmen penuh sehingga berjaya merangkul anugerah tersebut.

# LATIHAN, DISIPLIN dan KECEDERAAN

## suka duka menggapai emas

**SUKAN** Malaysia ke-21 di Sarawak baru-baru ini telah membawa tuah kepada individu bernama **LIN JUE XI**, 21, yang berjaya membawa pulang pingat emas dalam sukan wushu Kategori Qiangshu.

Menurut Jue Xi yang ditemu bual oleh penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD**, kejohanan baru-baru ini adalah yang kali ketiga disertai beliau.

"Dua Sukma sebelum ini saya membawa pulang gangsa, Sukma dua tahun lalu tidak berjaya, kali ini adalah penyertaan terakhir dan berjaya juga mendapatkan kilauan emas.

"Saya cukup berpuas hati dapat menamatkan penyertaan Sukma dengan pingat ini setelah sekian lama, sejak berusia enam tahun lagi saya berkecimpung dalam sukan ini.

"(Dan) ini adalah satu kepuasan kepada diri saya sendiri," ujarnya sambil berterima kasih kepada jurulatih, keluarga dan kawan-kawan yang memahami perjalanan karier serta senantiasa memberikan sokongan tidak berbelah bahagi kepadanya.

Namun beliau menzahirkan sedikit kekecewaan apabila tidak dipanggil ke kem latihan kebangsaan ekoran usianya yang sudah mencecah 21 tahun.

"Kalau 18 tahun dan ke bawah mungkin akan dipanggil tetapi saya sudah lebih, itu mungkin sedikit mengecewakan saya," tambahnya ketika ditemui di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) pada 4 September lalu.

Menyentuh mengenai rutin latihan, Jue Xi memberitahu bahawa rejim latihan bermula sejak dua tahun lalu, sesi pagi dan petang.

"Kalau nak cakap *stress* itu, mungkin ada sikit, tetapi tidak juga sebab saya yang pilih sukan ini dan saya gembira.

"Latihan keras itu adalah cabaran kepada setiap atlet yang inginkan kejayaan, sesi pagi bermula 9 pagi hingga 12 tengah hari, petang pula jam 3 petang hingga 6 petang.



**PERSEMBAHAN menarik Lin Jue Xi pada Sukma baru-baru ini.**

"Lebih mencabar adalah latihan disertakan dengan mengimbangi pelajaran di kolej, saya akui ia bukan sesuatu yang mudah," jelas anak jati Pulau Pinang itu lagi.

Seorang lagi atlet wushu, **LEE BELFERN** turut berjaya membawa pulang satu emas menerusi Kategori Nanguan.

Belfern ketika bercakap kepada Buletin Mutiara memberitahu bahawa beliau telah memulakan karier wushu seawal usia enam tahun ketika mengikuti abangnya.



**LEE Belfern (kanan) dan Lin Jue Xi (kiri) ketika sesi wawancara bersama-sama Buletin Mutiara.**

Ini adalah penyertaannya kali ketiga dalam temasya SUKMA dan memperoleh emas kali ketiga berturut-turut.

"Dalam wushu ini perlukan kekuatan mental selain daripada fizikal, saya rasa kejayaan saya juga disumbang oleh jurulatih yang lakukan terbaik untuk prestasi saya.

"Menjelang Sukma saya berdepan kecederaan, itu saat yang mencabar, perlu berhenti latihan melompat sebelum pulih sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan," cerita anak kelahiran Butterworth itu lagi.

Belfern dalam pada itu sempat menitipkan nasihat kepada anak-anak muda terutamanya di bangku sekolah untuk mencuba sukan wushu walaupun ada yang menganggapnya kurang popular.

"Boleh cuba sukan wushu, kerana kita (Malaysia) ada kelas tersendiri dalam sukan ini, boleh nikmati pengalaman baharu sambil bina keyakinan diri," katanya yang kini menuntut di *Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology* (TAR UMT) cawangan Pulau Pinang.



**LEE Belfern ketika berentap pada kejohanan Sukma Sarawak.**

# Skuad silambam

## sedia hadapi kejohanan kebangsaan

**PRESTASI** atlet silambam Pulau Pinang dilihat agak cemerlang biarpun kali pertama membuat penampilan secara rasmi bagi merebut pingat dalam temasya sukan dwitahunan, Sukan Malaysia (Sukma).

Pada penganjuran Sukma ke-21 di Sarawak baru-baru ini, skuad silambam Pulau Pinang berjaya menyumbang keseluruhan sebanyak tiga pingat emas, perak (3) dan gangsa (2).

Tiga pingat emas hadir masing-masing menerusi **B. KAVITHIRA** dalam Kategori Poruthal *(combat)* individu bawah 50 kilogram (kg), **K. HIRTHICK** dalam acara Poruthal individu lebih 75kg dan **V. K. RANISHAA** dalam kategori Poruthal individu lebih 70kg.

Tiga pingat perak pula hadir menerusi **K. GITHAN** dan **B. SHANGEETHA** masing-masing menerusi acara Poruthal individu 65-75kg serta 60-70kg, dan pasukan berirama tanpa senjata yang dibarisi **PREM KUMAR ARVINTHAN**; **S.M. TURGESHWAAR**; **M. RINNISHA**; **S. VICKYNESWARAN** dan **Hirthick**.



M. Rinnisha.

Sementara itu, dua pingat gangsa yang disumbangkan oleh pasukan silambam hadir masing-masing menerusi Vickyneswaran dalam acara Poruthal bawah 55kg, dan Kavithira (Poruthal bawah 50kg).

Baru-baru ini, Buletin Mutiara berkesempatan menemu bual pembantu jurulatih pasukan silambam Pulau Pinang, **R. PRAKASH** bagi mengetahui perancangan mereka dalam memantapkan lagi sukan berkaitan di negeri ini.

### Sukan demonstrasi

Memulakan bicara, Prakash memberitahu bahawa sukan silambam diperkenalkan buat pertama kali di Sukma pada tahun 2008 secara persembahan atau demostrasi tanpa menawarkan sebarang pingat.



PASUKAN silambam berirama menunjukkan pingat yang dimenangi.

"Silambam tampil di Sukma sebagai sukan demonstrasi sehingga tahun 2013 dan kemudiannya dihentikan selama 10 tahun.

"Sukan silambam kemudian membuat kemunculan semula pada Sukma tahun 2022 juga secara demonstrasi sehinggalah secara rasminya dipertandingkan sebagai sukan pingat pada tahun ini (Sukma ke-21)," katanya kepada penulis, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** ketika ditemui dekat Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Mak Mandin.

Prakash memberitahu bahawa pasukan silambam Pulau Pinang telah melakukan persiapan awal dengan berlatih sejak tahun 2022 dengan sokongan padu daripada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

"MSNPP telah memberikan komitmen tinggi dengan menyediakan latihan fizikal dan mental kepada 13 atlet kami yang bertanding dalam saingan tiga acara iaitu individu, *combat* dan berpasukan.

"Secara keseluruhannya, sepertimana sukan-sukan lain, atlet kami juga perlu menjalani latihan selama lima atau enam hari seminggu sepanjang dua tahun dan memulakan latihan secara intensif selama lebih dua minggu," katanya.

### Beri saingan sengit

Ditanya mengenai prestasi atlet silambam pada Sukma ke-21 di Sarawak, Prakash menyatakan bahawa pasukan silambam Pulau Pinang antara yang memberikan saingan sengit dalam acara yang dipertandingkan di samping atlet dari Perak, Selangor, Sarawak dan Kedah.

"Prestasi atlet Pulau Pinang dinilai sejak tahun 2022 lagi selepas mengikuti kejohanan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang dilihat semakin meningkat dari semasa ke semasa.

"Memandangkan ini kali pertama silambam dipertandingkan sebagai sukan pingat, jadi sasaran yang kami tetapkan sebelum bermulanya Sukma ke-21 adalah sebanyak satu emas, perak (1) dan gangsa (1).

"Namun begitu, kami berjaya melepasi sasaran ditetapkan tetapi dalam acara individu kami agak kurang bernasib baik kerana gagal mendapatkan sebarang pingat.

"Hal ini mungkin disebabkan kami masih belum mantap dari segi pergerakan langkah, tambahan pula silibusnya tidak serasi dengan latihan yang kami jalani.

*(Sambungan di muka 6).*



R. Prakash.



K. Hirthick.



MERAIKAN kemenangan diraih di Sukma XXI Sarawak.

# Empat atlet olahraga intai pingat Sukan SEA

**EMPAT** atlet olahraga yang memenangi pingat emas pada Sukan Malaysia (Sukma) XXI Sarawak baru-baru ini mengintai peluang untuk beraksi pada Sukan Asia Tenggara (SEA) di Bangkok tahun depan.

Hal itu disuarakan kepada wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** dalam satu sesi temu bual pada 15 September lalu.

**MUHAMMAD SAYYED AMIN**, 17; **WILSON QUAIK ZHEN HAN**, 20; **TAN ZHI HANG**,19 dan **SRIVEN TAN**,19, kini giat menjalani latihan dalam memburu laluan ke Sukan SEA meskipun selepas berjaya merangkul pingat emas pada temasya Sukma lalu.

Pelari berusia 17 tahun, Muhammad Sayyed, yang baru kali pertama menyertai Sukma meletakkan sasaran untuk sekurang-kurangnya membaiki catatan peribadi beliau terlebih dahulu, 21.03 saat dalam acara larian 200 meter.

"Pada Sukma lepas, saya memenangi emas dengan catatan masa 21.22 saat.

"Sebenarnya saya sudah layak ke Sukan SEA, dengan saingan yang ada saya sasar sekurang-kurangnya untuk bawa balik pingat gangsa.

"Jadi, Sukma adalah permulaan, Sukan SEA nanti lebih mencabar, saya harap dapat lakukan terbaik pada temasya yang lebih besar itu," ujarnya ketika ditemui di Stadium Jalan Betek.

Bagi atlet *decathlon*, Zhen Han, beliau telah berjaya membawa pulang pingat emas untuk kali kedua berturut-turut bagi kontinjen negeri dan tidak mahu terlalu leka dengan kejayaan yang dikecapi.

"Saya ingin jadikan kejohanan di Filipina pada April tahun depan (2025) sebagai tiket untuk mengumpul mata bagi melayakkan diri ke Sukan SEA hujung tahun depan.

"Saya perlukan 1,800 mata untuk layak ke Sukan SEA, kalau layak saya akan lakukan yang terbaik, ada rezeki harap dapat bawa pulang pingat untuk negara pula," jelasnya.

Zhi Hang dalam pada itu kini memberi fokus kepada kelayakan Sukan SEA dengan melepasi had lompatan 7.57 meter.

"Setiap hari saya kerja keras untuk layak ke temasya Sukan Asia Tenggara itu.

"Pengalaman memenangi emas pada Sukma memang terbaik, tetapi impian besar saya menang emas peringkat antarabangsa," ulas atlet lompat jauh yang merupakan anak jati Pulau Pinang.

Seorang lagi atlet yang sudah layak ke Sukan SEA ialah Sriven Tan yang beraksi dalam acara lumba jalan kaki kategori 10,000 dan 20,000 meter baru-baru ini.



**(Dari kiri) WILSON Quaik Zhen Han, Sriven Tan, Muhammad Sayyed Amin dan Tan Zhi Hang bersama-sama pingat emas yang dimenangi pada kejohanan Sukma XXI Sarawak baru-baru ini.**

"Matlamat saya hanya satu, saya sasarkan kedudukan di podium, sekarang saya menuntut kerja keras dalam diri saya sendiri.

"Masa juga semakin cepat berlalu, intensiti latihan perlu ditingkatkan dalam merealisasikan impian membawa pulang pingat kepada Malaysia sebagai satu kebanggaan kepada negara," katanya.



**SESI latihan yang berlangsung.**

*(Sambungan dari muka 5).*

# Mahu lebih ramai pelapis muda

"Selain itu, prestasi atlet wanita yang bertading dalam acara individu masih tidak setanding dengan negeri-negeri lain kerana atlet kita menjalani latihan dalam tempoh yang agak singkat," katanya sambil menambah bahawa pihaknya akan memberikan tumpuan bagi memantapkan lagi prestasi atlet yang akan mengambil bahagian dalam tersebut pada Sukma akan datang.

## Pelapis

Mengulas mengenai perancangan masa depan, Prakas berkata bahawa pasukan Silambam Pulau Pinang sedang membangunkan lebih ramai pelapis muda sebagai persediaan menghadapi cabaran Sukma tahun 2026.

"Sekarang, kami sedang menganjurkan program-program pembangunan di bawah MSNPP dan setakat ini kami ada lebih 56 atlet yang sedang menjalani latihan sebagai kumpulan kedua (pelapis).

"Atlet kami terdiri daripada pelbagai peringkat umur dari 20 tahun hingga yang paling muda iaitu di bawah 12 tahun yang sedang didedahkan dengan pelbagai pertandingan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa," ulasnya.

Tambah beliau, seperti juga sukan-sukan lain, silamban juga menuntut kekuatan mental dan fizikal terutamanya bagi atlet yang mengambil bahagian dalam acara individu.

"Mereka perlu memberi perhatian kepada jangkaan masa ketika melakukan persembahan serta peraturan-peraturan am semasa di gelanggang yang memerlukan kekuatan mental dan ketahanan fizikal," ujarnya.

Justeru, beliau menzahirkan penghargaan kepada MSNPP kerana memberikan sokongan yang padu kepada pasukan silambam sehingga membuahkan kejayaan pada Sukma ke-21 baru-baru ini.

"Sekarang ini, tempat latihan kami di Padang Haji Ahmad Badawi dekat Butterwoth adalah agak kurang memuaskan.

"Oleh itu, kami memohon kepada MNSPP untuk menyediakan tempat latihan yang lebih baik seperti dewan atau seumpamanya supaya atlet-atlet kami boleh menjalani latihan dengan selesa.

"Sekiranya perkara ini dapat dipenuhi, mungkin kami boleh meletakkan sasaran yang lebih tinggi daripada Sukma di Sarawak, tetapi ia juga bergantung kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan kelak," katanya menutup bicara.

Sementara itu, Buletin Mutiara turut menemu bual beberapa atlet yang menyumbang pingat perak dalam sukan silambam bagi acara berpasukan, Hirthick, Vickyneswaran dan Rinnisha.

Mereka berkongsi bahawa membuat penampilan pertama di Sukma bagi merebut pingat pastinya sedikit gementar.

Namun, semangat dan keazaman yang tinggi untuk mencipta kejayaan akhirnya membuahkan hasil apabila pasukan silambam berjaya menyumbang jumlah pingat yang melebihi sasaran yang ditetapkan.

"Memang kami akui ketika masuk ke gelanggang kami agak gementar, tetapi kami kuatkan mental sepanjang persembahan dan akhirnya berjaya mendapatkan pingat perak dengan catatakan 7.93 mata.

"Walaupun pingat perak tetapi kami agak berpuas hati kerana perbezaan mata antara pingat emas dan perak adalah sikit sahaja iaitu 0.1 mata," katanya.

Justeru, mereka mengucapkan terima kasih kepada semua pihak terutamanya MSNPP yang telah banyak memberikan sokongan dan dorongan kepada pasukan Silambam Pulau Pinang.

# Azam, disiplin tinggi faktor kejayaan




DANARAJ Anantha Selvam.



MUHAMMAD Aiman Danish Mohd. Suhairi.

**KEAZAMAN** dan disiplin tinggi yang ditonjolkan oleh atlet tinju negeri ternyata membuahkan hasil apabila berjaya meraih pingat pada temasya Sukan Malaysia (Sukma) ke-21 di Sarawak baru-baru ini.

Selepas menampilkan persembahan meyakinkan di gelanggang tinju dekat Stadium Tertutup Kompleks Sukan Sri Aman, **DANARAJ ANANTHA SELVAM**, 21, berjaya menyumbang sebutir pingat emas, manakala **MUHAMMAD AIMAN DANISH MOHD. SUHAIRI**, 17, pula meraih gangsa.

Danaraj yang juga dikenali dengan prestasi cemerlang dalam sukan turut menunjukkan semangat juang yang tinggi sekali gus mengharumkan nama Pulau Pinang dalam arena sukan.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, Danaraj menyatakan bahawa kejayaan baginya bukan hanya terletak pada kemenangan yang diraih, bahkan juga sikap serta disiplin tinggi yang ditunjukkan semasa sesi latihan.

"Saya telah membuat persediaan selama hampir dua tahun bagi menghadapi Sukma ke-21 dan telah berlatih pada setiap hari kecuali Ahad.

"Ini merupakan penglibatan kali kedua dan yang terakhir bagi saya dalam Sukma, jadi saya memang bersungguh-sungguh menjalani latihan walaupun masih dibelenggu kecederaan.

"Bukan itu sahaja, jurulatih turut menggunakan alternatif berlatih secara berpasangan bersama-sama pasukan (peninju) dari negara luar seperti Taipei, Indonesia dan banyak lagi.

"Bagi saya, pengalaman berlatih bersama peninju lain dua kali ganda lebih mencabar, tetapi saya dan pasukan tidak gentar sebaliknya menjadikan ia sebagai motivasi untuk tidak berputus asa," katanya sewaktu ditemui wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** semasa sesi wawancara khas pada 5 September lalu.

Di samping itu, Danaraj juga menyatakan bahawa fokusnya kini adalah untuk menyertai pasukan kebangsaan bagi Kejohanan Tinju Piala Malaysia pada masa akan datang.

"Saya amat bersyukur kerana dapat menyumbang pingat emas pada penampilan terakhir saya di Sukma Sarawak baru-baru ini selepas berjaya menewaskan atlet dari Melaka di pusingan akhir.

"Sebelum ini, saya pernah meraih pingat gangsa di Sukma Kuala Lumpur sekali gus menjadi motivasi untuk saya berusaha dengan lebih gigih lagi sehingga berjaya meraih pingat emas di Sarawak.

"Justeru, perancangan saya selepas ini adalah untuk memberikan tumpuan sepenuhnya dalam Kejohanan Tinju Piala Malaysia.

"Saya juga berharap agar saya layak menyertai pasukan kebangsaan pada Oktober ini," ujarnya sambil berharap agar kejayaan yang diperoleh itu menjadi inspirasi kepada atlet muda yang lain.

Sementara itu, Muhammad Aiman Danish atau lebih gemar digelar sebagai Aiman pula menyifatkan penyertaan dalam Sukma adalah pengalaman baru baginya.

"Saya sememangnya meminati sukan tinju dan telah mendapat sokongan daripada ayah, alhamdulilah saya juga turut memperoleh pingat pada Sukma kali ini.

"Dengan sokongan ibu bapa, jurulatih dan pasukan, saya berharap agar akan ada lebih banyak penyertaan dalam sukan tinju demi menaikkan lagi imej sukan tinju negeri," tambahnya.

Selain itu, Aiman turut berkongsi cabaran yang dihadapinya sebagai atlet tinju dek perlu menumpukan perhatian terhadap peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bakal dihadapi.

"Agak sukar untuk saya bahagikan masa pada awalnya kerana perlu memberi tumpuan kepada sukan dan pelajaran yang mana pada saya kedua-duanya amat penting.

"Justeru, saya berusaha menyeimbangkan masa dengan menumpukan kepada pelajaran



DANARAH Anantha Selvam pada sesi latihan di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

sehingga pukul 4 petang, selepas rehat sebentar saya terus menjalani latihan.

"Pada sebelah malam pula, saya akan sambung melakukan kerja-kerja kursus serta sesi ulang kaji pelajaran kerana saya juga ingin cemerlang dalam pelajaran bagi mendapatkan bantuan biasiswa dan sebagainya," ujarnya.

Aiman menyatakan bahawa beliau akan meneruskan minatnya dalam sukan tinju walaupun mempunyai cita-cita untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Saya juga mempunyai impian untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi tetapi sukan tinju tetap akan diberikan perhatian," ulasnya menutup sesi wawancara.






AKSI tumbukan padu yang ditonjolkan pada sesi latihan baru-baru ini.

# Teroka tarikan waktu malam

# The Habitat



PEMANDANGAN *Curtis Crest Treetop Walk* pada waktu malam.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : ***THE HABITAT***

**TAMAN** ekologi, *The Habitat* telah melanjutkan waktu operasinya sehingga pukul 9 malam bermula 31 Ogos 2024.

Sebelum ini, *The Habitat* ditutup kepada pengungjung pada pukul 7 malam pada hari bekerja manakala 8 malam pada hujung minggu.

Kini, dengan jadual pengoperasian baharu, ia akan ditutup pada pukul 9 malam dengan kemasukan terakhir adalah pada pukul 6.30 petang, manakala waktu perkhidmatan funikular terakhir turun dari Bukit Bendera pula pada pukul 11 malam.

Pengarah Eksekutifnya, Allen Tan berkata bahawa langkah memanjangkan waktu operasi adalah untuk membolehkan pengunjung menerokai keajaiban alam semula jadi di tengah-tengah hutan rizab biosfera Bukit Bendera pada waktu malam.

Beliau berkata, langkah itu juga dapat memberi peluang kepada pengunjung untuk merasai sendiri pengalaman menyaksikan keunikan haiwan yang aktif pada waktu malam di Bukit Bendera.

“Tidak ramai yang mengetahui bahawa Bukit Bendera adalah habitat bagi beberapa spesies haiwan yang aktif keluar mencari makanan pada waktu malam.

“Kebanyakannya adalah haiwan *arboreal* yang mana mereka menjalani kehidupan seharian di atas pokok.



**(Dari atas) *ANSONIA Penangensis, Stenotritus* dan *Arizona Bark Scorpion* merupakan antara haiwan aktif yang keluar pada waktu malam.**



***LANGUR Walk* iaitu jambatan gantung yang amat sinonim dengan *The Habitat*.**

“Sebagai contoh, kita mempunyai *Colugo* (kubung) dan tupai terbang gergasi merah yang aktif pada waktu malam dan akan terbang dari pokok ke pokok untuk mencari makanan,” katanya kepada Buletin Mutiara pada 2 September lalu.

Dalam perkembangan berkaitan, Allen memberitahu bahawa jumlah pengunjung ke *The Habitat* meningkat sekitar 20 hingga 30 peratus dari bulan Mei hingga Jun pada tahun-tahun sebelumnya.

Tambah beliau, sejak *The Habitat* mula beroperasi kira-kira sembilan tahun lalu, jumlah pengunjung tahunan yang dicatatkan meningkat daripada 50,000 kepada lebih 100,000 orang.

“Pelancong dari China adalah paling ramai, diikuti Singapura, Jerman, Australia dan pengunjung tempatan.

Melangkah ke hadapan, Allen menzahirkan harapan agar projek kereta kabel Bukit Bendera yang sedang berjalan ketika ini dan dijangka siap pada suku ketiga tahun 2026, akan dapat menarik lebih ramai pengunjung ke *The Habitat* pada waktu malam

“Bagi menampung kemasukan pelancong antarabangsa, *The Habitat* kini sedang menaik taraf papan tanda dan melaksanakan kod QR untuk membantu pengunjung yang tidak berbahasa Inggeris,” katanya.



**ALLEN Tan.**



**PENGALAMAN menerokai keindahan alam semula jadi pada waktu malam di *The Habitat*.**

# Festival Laksa

## promosi makanan tradisi



RASHIDI Zinol (kiri) melawat beberapa gerai yang memeriahkan Festival Laksa Sungai Acheh baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **EXCO**

**SUNGAI ACHEH –** Festival Laksa Sungai Acheh anjuran pejabat Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, Dato' Rashidi Zinol boleh disifatkan sebagai projek serampang dua mata.

Rashidi berkata bahawa penganjuran program tersebut adalah bertujuan mempromosikan Sungai Acheh sebagai lokasi pelancongan di samping memastikan makanan tradisi rakyat Malaysia itu tidak dilupakan.

"Sebanyak lapan jenis laksa kita bawakan dari pelbagai negeri untuk dicuba oleh pengunjung yang bertandang.

"Selain itu, tarikan yang ada di kawasan ini adalah suasana santai sambil menikmati pemandangan indah laut berlatarbelakangkan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.



PERKHIDMATAN bot pelancong yang beroperasi untuk membawa penumpang meronda di laut dan Sungai Kerian.

"Perkhidmatan bot pelancong yang beroperasi untuk membawa penumpang meronda di laut dan Sungai Kerian juga menjadikan Sungai Acheh sebagai kawasan yang menarik untuk dikunjungi," katanya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini berhubung penganjuran yang diadakan pada 15 September lalu.

Rashidi dalam pada itu turut berhasrat untuk mengadakan lebih banyak festival membabitkan makanan tradisional yang lain pada masa hadapan.

Pada masa sama, Rashidi memberitahu bahawa sejak diberi mandat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh, beliau sememangnya meletakkan matlamat untuk mempromosikan kawasan Kuala Haji Ibrahim sebagai lokasi ekopelancongan yang sebelum ini adalah kurang dikenali.

"Kuala Haji Ibrahim juga dilihat meriah dengan suasana keluar masuk bot nelayan bagi kawasan selatan Seberang Perai untuk mencari rezeki," katanya.

### SEMAKAN CUKAI BAGI SEMUA TANAH-TANAH BERI MILIK DI BAWAH SEKSYEN 101 KANUN TANAH NEGARA (AKTA 828) BAGI NEGERI PULAU PINANG

**CUKAI** tanah merupakan salah satu sumber hasil utama kepada Kerajaan Negeri. Penetapan kadar cukai tanah dan cukai petak adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara. Kadar cukai tanah yang dikenakan oleh PBN bagi tanah-tanah beri milik hanya boleh disemak tidak kurang daripada 10 tahun sekali. Kadar cukai tanah yang dikenakan sekarang adalah kadar yang telah disemak pada tahun 1994 dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 1996.

Memandangkan semakan cukai tanah tidak pernah dilaksanakan di Pulau Pinang sejak 30 tahun yang lalu, PBN pada 20 Mac 2024 telah bersetuju meluluskan cadangan semakan cukai tanah di Negeri Pulau Pinang bagi meningkatkan hasil negeri selaras dengan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang.

Pada masa ini, kajian terperinci sedang dijalankan bagi memastikan sebarang cadangan kenaikan cukai tanah di Negeri Pulau Pinang adalah bersesuaian dengan pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang dan tidak membebankan rakyat.



| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican<br>dsrmpusatkhidmat@gmail.com | (T)<br>(F) |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Syn Tze<br>n07sungaipuyu@gmail.com | (T) 04 - 313 7987<br>(H) 012 - 248 5938 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Chee Yeeh Keen<br>cheeyeehkeen@gmail.com | (T) 018 - 388 6317<br>(F) |

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Kumaran Krishnan @ Calvin<br>bagandalamn09@gmail.com | (T) 04 - 313 1002<br>(F) |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>dapairputih@gmail.com | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Lee Boon Heng<br>leeboonheng24@gmail.com | (T) 011 - 2773 6684 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Woo Sze Zeng<br>joshuawoosz@gmail.com | (H) 016 - 417 2548 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Wong Yuee Harng<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 299 2574<br>(F) |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 016 - 270 6808<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>ongahteong@penang.gov.my | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
